

# Kes rasuah RM3.3 juta: Dua pegawai atasan syarikat pembekalan air direman

FOTO SPRM JOHOR

**JOHOR BAHRU** - Dua pegawai atasan sebuah syarikat pembekalan air di negeri ini direman sehari bagi membantu siasatan kes rasuah sebanyak RM3.3 juta daripada dua pemilik syarikat kontraktor.

Perintah reman terhadap kedua-dua individu berusia 36 dan 40 tahun itu dikeluarkan Penolong Kanan Pendaftar Puan Nurzhian Abdul Rehman di Mahkamah Majistret di sini, pada pagi Selasa.

Kedua-dua individu terbabit diwakili peguam Adzly Ab Manas dan Amarpreet Singh Rajwinder Singh.

Menurut sumber, kedua-dua suspek lelaki itu ditahan di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) Selangor kira-kira jam 2 petang, pada Isnin.

Sumber itu memberitahu, siasatan ke atas kedua-dua pegawai atasan berkenaan setelah SPRM menerima beberapa aduan sekitar tahun lalu di mana kedua-dua



**Dua suspek (berbaju lokap SPRM) direman selama sehari bagi membantu siasatan kes rasuah RM3.3 juta daripada dua pemilik syarikat kontraktor.**

suspek telah menerima wang rasuah daripada pemilik dua buah syarikat kontraktor.

"Ia sebagai balasan membantu syarikat kontraktor berkenaan memperoleh kerja-kerja perkhidmatan dan pembekalan daripada syarikat pembekalan air berkenaan.

"Suspek terbabit dengan kesalahan mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu berhubung dengan permohonan sumbangan bagi sebuah program berjumlah RM3.3 juta sedangkan program berkenaan tidak dilaksanakan sepenuhnya," tambah sumber berkenaan.